

MAJLIS PERASMIAN PUSAT TEKNOLOGI UTM-MTDC FASA II
23/06/2012

Yang Berhormat Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

Yang Berhormat Datuk Haji Fadillah Bin Yusof
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Ir. Zaini Ujang
Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, UTM

Yang Berbahagia Datuk Siti Hadzar Ismail
Pengerusi, Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)

Yang Berusaha En. Norhalim Yunus
Ketua Eksekutif MTDC

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Dekan-Dekan UTM

Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah MTDC

Sidang hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum, Selamat Pagi dan Salam 1Malaysia,

1. Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta inayah-Nya, dapat kita bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Pusat Teknologi UTM-MTDC Fasa II.
2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta pihak Unversiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) kerana telah menjemput saya untuk merasmikan Pusat Teknologi UTM-MTDC Fasa II pada pagi ini. Usahasama sebegini sudah pasti akan merancakkan aktiviti ekonomi selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, pembangunan holistik dan mapan demi kesejahteraan rakyat Malaysia. Pembinaan Pusat Teknologi sebegini juga dapat memanfaatkan kepakaran penyelidik-penyelidik tempatan yang bekerjasama dengan syarikat-syarikat inkubator dalam mengkomersilkan hasil penyelidikan yang berdaya maju.
3. Perkembangan globalisasi juga telah membentuk hala tuju baharu pengajian tinggi dunia yang melahirkan beberapa trend baharu seperti antara lainnya, globalisasi, mobiliti, kolaborasi, evolusi dalam pembelajaran dan pengajaran serta penggunaan teknologi yang maksima. Dalam memastikan kesinambungan dan kejayaan usaha pengkomersialan produk dan teknologi IPT, adalah penting untuk mencorakkan pengajian tinggi menjadi lebih bersifat antarabangsa serta hubungan jaringan yang berasaskan kepada kolaborasi dan komplementari, bukannya kepada persaingan.

4. Selaras dengan objektif Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, usaha harus digembleng ke arah melahirkan modal insan kelas pertama dan berpendapatan tinggi yang berkualiti global serta berjaya mencetuskan inovasi dalam pengkomersialan teknologi di samping menjadi penggerak kepada pertumbuhan ekonomi dan sumber manusia yang berinovatif dan kreatif yang diperlukan bagi masa depan Malaysia.

5. Penjanaan hasil asli tempatan secara komersil melalui daya kreativiti, kolaborasi, inovasi dan keusahawanan sekiranya dapat dikembangkan secara intensif sudah tentu dapat menyumbang kepada Ekonomi Berpandukan Inovasi.

6. Pencapaian ini juga adalah selari dengan Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Inovasi Peringkat Tertuari, melalui beberapa quick wins atau keberhasilan segera seperti penubuhan incubator di IPTA-IPTA yang bertujuan menjana industri harta intelek, paten dan perniagaan baharu hasil-hasil penyelidikan di IPT. Selain itu, selari dengan konsep inovasi sebagai satu komitmen Kerajaan untuk mengangkat idea-idea baharu dalam melaksana dan menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

7. Dalam memainkan peranan membantu dan menyokong universiti dan syarikat berasaskan teknologi, MTDC secara langsung bekerjasama dengan penyelidik-penyelidik fakulti UTM membangunkan produk-produk teknologi khusus dengan memberi tumpuan kepada bidang Sains Hayat dan Advanced Engineering.

8. Justeru itu, inisiatif yang diambil oleh MTDC dalam melahirkan tekno usahawan yang dilatih daripada kalangan graduan yang mampu mewujudkan Syarikat Terbitan Universiti, adalah sesuatu yang harus dipuji. Melalui program yang dikenali sebagai “Symbiosis”, ia telah berjaya membudayakan keusahawanan, kreativiti dan inovasi dalam kalangan graduan muda tempatan seluruh negara untuk lebih berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

9. Saya dimaklumkan bahawa sehingga bulan Mei 2012, sejumlah 190 buah syarikat baru, kecil dan sederhana yang berasaskan teknologi telah beroperasi dan mendapat manfaat dari pada Pusat-pusat Teknologi seluruh Malaysia termasuk di Pusat Teknologi UTM-MTDC ini. Di samping itu, program ini turut mewujudkan peluang pekerjaan untuk 1,500 tenaga pekerja mahir yang terlibat dalam pelbagai teknologi/industri.

10. Menyedari hakikat bahawa ekosistem dan persekitaran inovasi, khususnya penyelidikan dan pembangunan, adalah amat kritikal dalam menghasilkan produk-produk inovatif, Kerajaan melalui MTDC telah menyediakan Dana Pengkomersilan hasil R&D (CRDF) dan Dana Perolehan Teknologi (TAF) untuk mengalakkan pertumbuhan syarikat berteraskan teknologi melalui pengkomersilan hasil R&D dan inovasi tempatan dan perolehan teknologi dari luar negara.

11. Sejak Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) dan Ke Sepuluh (RMKe-10) iaitu di antara 2006 sehingga Mei 2012, sejumlah 238 projek telah dibiayai dengan dana berjumlah RM434 juta, 153 projek (atau 64%) syarikat tempatan telah berjaya mengkomersilkan produk-produk mereka di dalam dan luar negara. Selain itu, sehingga 31 Disember 2011, syarikat tersebut telah menjana jualan berjumlah RM817.73 juta dengan nilai jualan eksport berjumlah RM206 juta dan nilai jualan di pasaran tempatan berjumlah RM612 juta.

12. Setakat ini juga, sejumlah 304 harta intelek telah didaftarkan, manakala sejumlah 92 projek yang melibatkan kerjasama pintar bersama universiti tempatan dan juga institusi penyelidikan tempatan telah terjalin dan sejumlah 3,348 peluang pekerjaan bagi pekerja terlatih telah diwujudkan oleh syarikat penerima dana MTDC.

13. Kerajaan juga telah memperuntukan dana berjumlah RM30 juta di bawah Program Market Validation yang diuruskan oleh MTDC dengan kerjasama Agensi Inovasi Malaysia (AIM). Dana ini diperuntukkan khusus untuk membiayai dan melaksanakan suatu kaedah pengesahan pasaran (market validation) dan keboleh-pasaran sesuatu produk yang dihasilkan oleh universiti dan institusi penyelidikan tempatan sebelum sesuatu produk tersebut dipromosikan kepada pihak industri untuk dikomersialkan.

14. Dana ini adalah salah satu daripada inisiatif strategik kerajaan untuk mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi, bersesuaian dengan pengumuman tahun ini sebagai tahun Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 (SGI2012). Sehingga Mei 2012, sejumlah 390 senarai produk berpotensi telah dikemukakan oleh tujuh buah universiti tempatan terpilih untuk menjalani proses market validation.

15. Kerajaan sentiasa komited dalam memupuk dan membentuk sebuah masyarakat yang membudayakan sains, teknologi dan inovasi, yang merupakan elemen penting dalam pembangunan negara di era kecanggihan sains, teknologi dan inovasi.

16. Program SGI2012 yang merupakan inisiatif penting bertujuan merealisasikan agenda transformasi negara dan kesejahteraan rakyat ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, memberi penekanan dan manfaat daripada penerapan sains, teknologi dan inovasi serta pengaplikasiannya dalam aktiviti kehidupan seharian untuk melahirkan masyarakat inovatif.

17. Program utama SGI2012 ini ialah Karnival Sains dan Inovasi yang sedang dan akan dianjurkan di Zon Timur di Kelantan, Zon Sabah di Kota Kinabalu, Zon Selatan di Johor, Zon Utara di Kedah, Zon Sarawak di Kuching dan berakhir di Zon Tengah di Negeri Sembilan.

18. Sehingga kini, sejumlah 397 program telah dirancang dan dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian dan agensi di bawah payung SGI2012 sepanjang tahun ini. Program-program juga sudah mula diperluaskan ke peringkat daerah di beberapa negeri di seluruh negara dalam usaha menggerakkan rakyat Malaysia ke arah pembudayaan sains dan inovasi. Di samping itu, program jelajah Jejak Inovasi atau Innovation Walk, juga diadakan bertujuan untuk meninjau produk-produk inovasi di kawasan pedalaman di seluruh Malaysia.

Para Hadirin Sekalian,

19. Saya berharap agar hubungan jaringan antara pihak universiti dan industri seperti yang diwujudkan oleh MTDC dan UTM melalui Pusat Teknologi UTM-MTDC ini dapat diperluaskan melalui pelbagai cara dan perantara. Usahasama sebegini sangat penting bagi membangunkan keupayaan inovasi negara dan seterusnya mencapai matlamat Ekonomi Berasaskan Inovasi. Hasil inovasi asli dari keluaran tempatan ini adalah diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pihak industri di Malaysia untuk menginovasikan produk mereka ke tahap yang lebih tinggi seterusnya dapat bersaing dengan lebih baik di pasaran tempatan mahupun di pasaran luar negara.

20. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat, khususnya MOSTI, KPT, UTM dan MTDC di atas kerjasama erat dan gandingan mantap bagi menyokong dan merencanakan aktiviti pengkomersilan hasil R&D dan inovasi negara.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Pusat Teknologi UTM-MTDC Fasa Kedua ini.

Sekian, terima kasih.